

04 OCT 2001

Mahathir-Pengganas

SERANGAN YANG DIRANCANG AMERIKA TAK MUNGKIN MEREBAK

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Amerika Syarikat tidak mungkin menyerang beberapa negara Islam yang didakwa oleh Washington melindungi pengganas selain daripada Afghanistan, tempat Osama bin Laden dilaporkan sedang bersembunyi.

"Tidak, saya tidak fikir US akan melakukan perkara seperti itu kerana ia bermakna Amerika akan menghadapi keseluruhan dunia Islam.

"Dan negara itu sudah menyatakan bahawa ini bukan peperangan terhadap Islam, ia peperangan terhadap pengganas," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kemuncak CEO 2001 di sini hari ini.

Beliau telah diminta mengulas laporan bahawa Amerika tidak menolak kemungkinan berlakunya serangan terhadap sasaran pengganas di negara Islam selain daripada usahanya untuk menangkap Osama, yang disyaki menjadi perancang utama serangan ke atas New York dan Washington pada 11 Sept.

Dr Mahathir berkata walaupun pihak pemerintah Taliban di Afghanistan mungkin melindungi pengganas, mereka yang sebenarnya melakukan serangan itu mungkin bukan orang Afghanistan atau berada di Afghanistan pun.

"Mereka nampaknya bukan orang Afghanistan. Menurut laporan yang telah kita lihat, mereka mungkin orang Arab yang tinggal di Amerika. Jadi secara teknikalnya, bolehkah kita katakan US melindungi pengganas? Tentulah tidak. Kita tidak tahu siapa mereka atau di mana mereka," katanya.

Mengenai percakapan telefon beliau dengan Presiden Iran Mohammad Khatami, Dr Mahathir berkata pendirian kedua-dua negara dalam soal keganasan tidak banyak berbeza.

"Kita semua menyokong tindakan memburu pengganas, kita menentang peperangan dan kita berpendapat keganasan hanya boleh dibanteras dengan menangani sebab-musababnya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ini adalah dalam konteks seruan pemimpin Iran itu supaya dunia Islam mengambil pendirian yang sepadu mengenai keganasan pada persidangan menteri luar Pertubuhan Persidangan Islam yang akan diadakan di Qatar nanti.

-- BERNAMA

MAM ZS RYN NMO